

25/11/1997

Kepimpinan Dr Mahathir terus dipertahan

DEWAN Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang semalam meluluskan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam memerangi serangan terhadap kedaulatan negara serta usaha menangani cabaran ekonomi yang dihadapi negara.

Usul itu dibentangkan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mendapat sokongan penuh daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dari 32 anggota Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun, Adun Batu Lancang (DAP), Chong Eng pembangkang tunggal dalam DUN tidak memberikan sokongan terhadap usul itu.

Usul itu, dibahaskan lebih dua jam sebaik saja Speaker Datuk Yahaya Abdul Hamid membenarkan usul berkenaan dibahaskan, membabitkan semua komponen parti iaitu Gerakan, Umno, MCA dan MIC.

Usul itu merangkumi lima bahagian iaitu memberi keyakinan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri dan pucuk pimpinan negara yang lain terhadap usaha mengatasi cabaran ekonomi masa kini dan memerangi serangan terhadap kepimpinan negara.

(END)